

CNS4053
UGB 27-10 00287 BA'794
bah

MAHATHIR HENDAK TAHU MENGENAI PEMBELIAN AHLI KELAB GOLF
Mahathir - Golf

PETALING JAYA, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau hendak mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pembelian keanggotaan Kelab Golf Rahman Putra oleh Mara Holdings Sdn Bhd, berjumlah \$28.35 juta minggu lepas.

Perdana Menteri berkata beliau ingin tahu kenapa pembelian itu dibuat, samaada ia telah dirancang terlebih dahulu dengan baik, dan samaada ia telah mengikut peraturan yang sedia ada.

+Kadang-kadang walaupun tera tur, sesuatu pembelian itu mungkin tidak bijak.. ini mesti diambil kira juga,+ katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai pembelian 450 keanggotaan Kelab Golf Rahman Putra yang terletak di pinggir ibu kota itu.

Terdahulu, Dr Mahathir m'erasmikan Kilang Optical Communication Engineering Sdn Bhd di Jalan Semangat di sini. Kilang berharga \$60 juta itu mengeluarkan gentian optik dan kabel gentian optik.

Dr Mahathir berkata Mara berperanan memajukan bidang perniagaan dan pendidikan orang Melayu dan pembelian itu pada hakikatnya bertentangan, dengan tujuan penubuhan majlis berkenaan.

+Walaupun bertentangan kita ingin tahu mungkin ada sebab-sebab tertentu,+ kata beliau. -- Lagi.

▼27/10/13-41MST
CNS4064
R GB 27-10 00123 BA795

bah

Mahathir - Golf 2 Petaling Jaya

Katanya, Mara Holdings dikehendaki menyediakan laporan mengenai pembelian itu.

Dr Mahathir jugamengulas kejadian kebakaran yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini, yang terbaru di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pulau Pinang semalam, yang dilapor memusnahkan setengah juta fail dan dokumen kenderaan.

Beliau berkata kebakaran-kebakaran itu tidak akan berlaku sekiranya semua pihak mengikut peraturan yang ada.

Dua minggu lepas kebakaran berlaku di menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, kira-kira enambulan selepas kebakaran di terminal satu lapangan terbang itu.

Dr Mahathir berkata salinan rekod dan mikrofilem bagi sesuatu dokumen perlu ada dan sepatutnya disimpan di tempat lain untuk mengelak daripada musnah dalam kebakaran. -- Lagi.

▼27/10/14-05MST

CNS4115

R GB 27-10 00182 BA798

bah

Mahathir - Golf 3 Petaling Jaya

Kalau tidak, kata Perdana Menteri, akan berlaku lagi kebncaran seperti di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara, yang akan menyukarkan semua pihak. Beliau menasihati semua pihak supaya lebih berhati-hati untuk mengelak berlaku lagi kejadian seumpama itu.

+Kerana sekarang tidak ada rekod, mungkin orang yang tak bayar hasil akan terlepas (ekoran kehilangan fail dan dokumen penting JPJ Pulau Pinang),+ katanya lagi.

Terdahulu, semasa berucap, Dr Mahathir berkata, satu-satunya petun juk negara maju ialah kewujudan sistem infrastruktur asas yang tengkap yang boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat serta pengendaliannya yang cekap dan teratur.

Beliau berkata tidak bermakna kalau negara berbsngga dengan tahap kemajuan sektor perkilangan yang tinggi jika keperluan asas seperti bekalan tenaga elektrik, air, pengangkutan dan perhubungan tidak dimajukan seiring .

+Pembangunan negara yang menyeluruh memerlukan pembangunan seimbang bagi semua sektor ataupun sekurang-kurangnya perbezaan yang tidak begitu ketara. Kita harus pastikan supaya sektor luar bandar tidak ketinggalan begitu jauh,+ katanya, dan menambah jurang perbezaan yang besar antara kedua-duanya akan menjejaskan usaha kerajaan mencapai keadilan sosial. --
Lagi.

▼27/10/15-11MST

CNS4116 . .

R GB 27-10 00152 BA799

bah

Mahathir - Golf 4 (Akhir) Petaling Jaya

Pengerusi Optical Communication (Opcom) Engineering, Datuk Tiong Hiew King berkata kilang berkenaan mampu mengeluarkan 120,000 km gentian optik dan 8,000 km kabel gentian optik setahun.

Gentian optik, teknologi yang dimajukan pada pertengahan 1970, mempunyai kadar transmisi antara 1,000 dengan 100,000 kali ganda berbanding dengan kabel keuliharaan.

Katanya pengurusan Opcom akan membina kilang kedua tidak lama lagi yang mampu mengandakan pengeluaran gentian optik dan kabel gentian optik.

Di samping bercita-cita menjadi pengeluar gentian optik dan kabel gentian optik terbesar di rantau Asia Tenggara, Opcom bercadang meningkatkan sehingga ke 80 peratus kegunaan bahan-bahan tempatan untuk pengeluarannya dalam masa tiga tahun lagi.

Menteri Kesihatan Datuk Lee Kim Sai, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Timbalan Menteri Pembangunan Negara Datuk Tajol Rosli Ghazali hadir sama pada mnglis itu. -- Bernama.

▼27/10/15-12MST